



**KIAS/AM/0.7/00/12**

14 Rabiulawal 1446H / 18 September 2024

**SEMUA GRADUAN 2024**

Saudara/i,

**JEMPUTAN MENGAMBIL PAKAIAN KONVOKESYEN SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS) KALI KE-24**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa Istiadat Konvokesyen KIAS kali ke-24 akan diadakan pada **7 Oktober 2024 bersamaan 04 Rabiulakhir 1446H** bertempat di **Dewan Johor, KIAS Nilam Puri**.

Sehubungan dengan itu, saudara/i dikehendaki hadir untuk mengambil dan memulangkan pakaian konvokesyen sebagaimana ketetapan berikut:

<b>Pengambilan Pakaian Konvokesyen (1 hingga 3 Oktober 2024)</b>		
<b>Tarikh</b>	<b>Masa</b>	<b>Tempat</b>
1 & 2 Oktober 2024 (Selasa & Rabu)	9.15 pagi – 4.00 petang 1.00 tengah hari – 2.00 petang (Rehat)	Bilik Jubah KIAS
3 Oktober 2024 (Khamis)	9.15 pagi – 3.00 petang 1.00 tengah hari – 2.00 petang (Rehat)	Bilik Jubah KIAS


<b>Pemulangan Pakaian Konvokesyen (7 hingga 10 Oktober 2024)</b>		
<b>Tarikh</b>	<b>Masa</b>	<b>Tempat</b>
7 Oktober 2024 (Isnin)	12.00 tengah hari – 4.00 petang 1.00 tengah hari – 2.00 petang (Rehat)	Bilik Jubah KIAS
8 & 9 Oktober 2024 (Selasa & Rabu)	9.15 pagi – 4.00 petang 1.00 tengah hari – 2.00 petang (Rehat)	Bilik Jubah KIAS
10 Oktober 2024 (Khamis)	9.15 pagi – 3.00 petang 1.00 tengah hari – 2.00 petang (Rehat)	Bilik Jubah KIAS

Bersama ini dilampirkan borang permohonan peminjaman pakaian konvokesyen KIAS. Saudara/i perlu mengemukakan **borang permohonan peminjaman jubah yang telah lengkap diisi, slip Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) dan resit bayaran konvokesyen** semasa mengambil jubah konvokesyen pada tarikh tersebut. Sila pastikan perkara yang disenaraikan lengkap agar proses pengambilan jubah tidak tergendala.

Di kesempatan ini juga, saya bagi pihak warga KIAS mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan saudara/i menamatkan pengajian di KIAS dengan jayanya. Semoga saudara/i terus cemerlang dalam apa jua bidang yang akan diceburi kelak.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**AKMASUZIATI BINTI MAT JUSOH @ ABDULLAH**

Penolong Pendaftar Kanan (Perpustakaan)

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Jubah

Istiadat Konvokesyen KIAS kali ke-24

s.k:

Rektor

Timbalan Rektor (HEAP)

Timbalan Rektor (HEPA)

Pendaftar

Timbalan Pendaftar

Dekan

Ketua-Ketua Jabatan/Pusat

Fail